

→ **BISNES**

# Bank global semak semula ramalan harga minyak mentah

→ Keputusan sekatan AS terhadap Iran, perang China-AS diambil kira

Oleh Amir Hisyam Rasid  
bhbiz@bh.com.my

**B**eberapa bank global kini mengikuti langkah Goldman Sachs menyemak semula ramalan harga purata minyak mentah kepada AS\$60 hingga AS\$65 satu tong bagi tahun ini.

Ini mendorong sasaran konsensus turun kepada AS\$70 satu tong untuk 2019 daripada AS\$72 sebelum ini.

Peserta industri meramal perkara ini di sebalik faktor utama tam-

bahan lain seperti sekatan Amerika Syarikat (AS) terhadap Iran, yang akan tamat pada Mei ini dan ketidakpastian dalam industri minyak.

Industri minyak menghadapi ketidakpastian akibat perang perdagangan yang sedang berlaku antara China dengan AS.

Katanya, terdapat juga kerisauan pasaran mengenai permintaan terhadap minyak mungkin terus tidak bergerak.

Pada peringkat tempatan pula, pakar ekonomi percaya pengubahsuaian belanjawan akan berlaku di Malaysia jika minyak mentah Brent terus didagangkan sekitar AS\$60 satu tong untuk sepanjang tahun ini, yang akan menyebabkan purata harga bagi tahun itu mencecah paras ramalan.

Ini seiring dengan kenyataan Kementerian Kewangan baru-baru ini yang menyatakan kerajaan akan menyusun semula belanjawan 2019 jika harga minyak purata berada pada AS\$50 satu tong.

Harga purata Brent pada tahun ini sekitar AS\$57 satu tong.

## Sekatan terhadap Iran

Bank global yang menyemak semula ramalan harga minyak mereka adalah CMB International Capital Corp Ltd, Emirates NBD yang berpangkalan di Dubai, bank pelaburan multinasional Societe Generale Bank Tokyo-Mitshubishi UFJ Ltd dan Banco Santander.

CMB International yang juga anak syarikat milik penuh China Merchants Bank, berkata sekatan terhadap Iran masih memainkan peranan penting terhadap harga minyak, memandangkan keputusan AS untuk kekal atau mengesahkan sekatan melalui perluasan pengecualian atau tidak akan memberi kesan material kepada bekalan minyak global.

"Kami percaya ketidakpastian akibat pengecualian itu masih tinggi.

"Pasaran minyak sedang me-

ngikuti rapat perkembangan rundingan perdagangan AS-China, memandangkan penunjuk ekonomi utama telah memperlihatkan isyarat yang lemah, yang kemungkinan akan menyeret permintaan minyak global jika perang perdagangan berterusan," kata bank pelaburan yang meramalkan Brent didagangkan sekitar AS\$60 hingga AS\$65 satu tong pada 2019..

Pengurus Pembangunan Perniagaan Fakulti Perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata kerajaan dipercayai akan menyusun semula Belanjawan 2019 jika harga minyak terus berada di sekitar AS\$60 satu tong.

"Belanjawan 2019 adalah berdasarkan hasil minyak mentah yang ditetapkan pada AS\$70 satu tong, jadi jika harga kekal pada AS\$60, kerajaan harus menyemak semula anggarannya, berbanding menunggu ia turun kepada AS\$50 satu tong," katanya.



Belanjawan 2019 adalah berdasarkan hasil minyak mentah yang ditetapkan pada AS\$70 satu tong, jadi jika harga kekal pada AS\$60, kerajaan harus menyemak semula anggarannya, berbanding menunggu ia turun kepada AS\$50 satu tong"

**Ahmed Razman Abdul Latiff,**  
Pengurus Pembangunan  
Perniagaan Fakulti  
Perniagaan UPM